

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI**  
**KAWASAN : DUNGUN**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan jalan perhubungan antara Hulu Tembeling, Pahang ke Pasir Raja, Dungun, Terengganu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan membina jalan baru menghubungkan Hulu Tembeling, Jerantut ke Pasir Raja, Dungun tidak termasuk dalam laporan Pelan Induk Rangkaian Pembangunan Jalan Raya, Semenanjung Malaysia (HNDP), 2008 – 2020. Tambahan pula cadangan jajaran tersebut akan melalui kawasan Taman Negara Kuala Tahan yang sensitif. Sehubungan itu, Kerajaan Pusat setakat ini tiada perancangan untuk membina laluan jalan baru tersebut.

Sekian, terima kasih.